

PM: Abdullah miliki kepercayaan, kaedah yang sama pimpin negara

UM 13 OCT 2002

Oleh ZULKIFLI JALIL

KUALA LUMPUR 12 Okt. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau dan penggantinya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mempunyai kepercayaan dan kaedah yang sama dalam memimpin negara, walaupun gaya penampilan berbeza.

Menurut Perdana Menteri, meskipun penampilan berbeza, ia tidak akan mendatangkan masalah kepada negara.

Tegas beliau, sebenarnya adalah baik bagi rakyat menerima pemimpin yang mempunyai gaya tertentu.

"Ya, kami percaya perkara yang sama. Kami percaya kaedah yang sama dan pastinya gaya berbeza tetapi itu tak mengapa.

"Saya fikir adalah baik kepada rakyat untuk menerima perubahan," katanya dalam temu bual program CNN's *Talk Asia*.

● Transkrip temu bual di muka 7

Perdana Menteri ditanya oleh pengacara program, Lorraine Hahn mengenai kualiti yang dikongsi bersama antara beliau dan Abdullah yang bakal menggantikannya selepas Oktober tahun depan.

Menurut Dr. Mahathir, meskipun ada yang menyatakan akan merasai kehilangannya nanti, beliau yakin rakyat boleh terus bergantung harapan kepada kepimpinan baru.

Tegasnya, Malaysia sebenarnya mempunyai segala keperluan untuk meneruskan pertumbuhan ekonomi, anta-

ranya dasar dan mekanisme yang berkesan.

Menurut Dr. Mahathir, sebenarnya beliau merancang hendak meletak jawatan pada 1998 tetapi hasrat itu terhalang oleh krisis ekonomi (yang melanda Asia Tenggara) dan masalah dengan timbalannya.

"Saya perlu tangguhkan persaraan saya yang saya rancangkan selepas Sukan Komanwel. Sejak itu, saya luangkan masa cuba mengukuhkan parti (UMNO) dan saya fikir saya telah lakukan secukupnya untuk parti, dan ia kembali balik kepada asal.

"Jadi, saya fikir ini masanya untuk saya letak jawatan," katanya.

Menurut Perdana Menteri, keluarganya menerima hasrat beliau meletak jawatan wa-

laupun pada awalnya mereka terkejut dengan tindakannya.

Bagaimanapun, kata Dr. Mahathir, parti pula menganggap tindakannya terlalu mengejut dan masih memerlukan beliau untuk menyelaraskan parti, yang permintaan ini akhirnya diterima.

Menurut Perdana Menteri, beliau tidak bercadang menjadi Menteri Kanan seperti bekas Perdana Menteri Singapura, Lee Kuan Yew selepas persaraannya.

Ditanya perasaannya melepaskan jawatan selepas terlibat dalam politik sekian lama, Dr. Mahathir berkata, beliau akan terus bersama parti dan memastikan ia terus mengekalkan kemenangan pada pilihan raya umum akan datang.